

15 SEP 1997

LEAD KLIA-Percubaan

MAHATHIR, MENTERI KABINET SAKSI PENDARATAN PERCUBAAN DI KLIA

SEPANG, 15 Sept (Bernama) -- Sebuah pesawat Boeing 747 Penerbangan Malaysia (MAS) membuat pendaratan percubaan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini awal pagi ini, menandakan pendaratan pertama di lapangan terbang paling canggih di Asia.

Pendaratan pertama di Landasan Satu lapangan terbang berharga RM9 bilion itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan para Menteri Kabinet.

Mereka yang menyaksikannya memberi tepukan apabila pesawat Boeing 7474 MAS yang dipandu oleh Kapt Samsudin Zainol Abidin, dan dibantu oleh Kapt Arshad Abu Bakar itu mendarat pada 10.26 pagi.

Mereka yang disertai oleh kakitangan KLIA Berhad (KLIAB) menunggu bagi pesawat itu mendarat di tengah-tengah keadaan berjerebu yang menyelubungi hampir keseluruhan lapangan terbang.

Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli berkata krew kabin keluar dari pesawat itu sejurus selepas ia berhenti di Gate A8 Contact Pier bangunan terminal utama.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata pendaratan pesawat berkenaan berjalan lancar.

Ia berjalan lancar. "Pendaratannya cukup baik," kata beliau.

Perdana Menteri berkata walaupun keadaan berjerebu sedikit, juruterbang berjaya mengawal kapal terbang itu mendarat tanpa apa-apa masalah.

Dr Mahathir berkata sistem lampu di landasan juga berfungsi dengan baik.

Penerbangan MH 1509 berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada 10.05 pagi.

Kapt Samsudin yang kelihatan berbangga berkata beliau tidak menghadapi masalah untuk mendaratkan pesawat berkenaan walaupun diselubungi jerebu.

Sempena dengan pendaratan itu, Dr Mahathir menanam spesimen "Merawan Siput Jantan" (*Hopea Odorata*) di tengah-tengah pusat bangunan terminal Satelit yang dihiasai dengan seni taman untuk menggambarkan hutan tropika.

Sementara itu, KLIA Berhad berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa percubaan asas membabitkan ujian operasi, prosedur operasi dan penempatan kakitangan terlatih di ketiga-tiga elemen lapangan terbang meliputi arah aliran penumpang, pesawat dan pengendalian bagasi serta kargo akan bermula esok.

"Percubaan asas akan diteruskan sehingga awal Disember sementara percubaan berikut bermula pada 15 Dis, 1997," menurut kenyataan itu.

Pada 14 Ogos lalu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pemasangan Total Airport Management System (TAMS) yang mengikut jadual di KLIA memungkinkan pendaratan percubaan di lapangan terbang itu hari ini seperti dirancang.

TAMS ialah sistem sumber dan pemprosesan data canggih yang menghubungkan dan menggabungkan pelbagai sistem elektronik dalam lingkungan KLIA dan dengan itu mewujudkan pemusatan bagi operasi dan pengurusan lapangan terbang secara keseluruhan.

Sistem itu menghubungkan dan menggabungkan 29 sub sistem antara lain bagi kawalan krisis, paparan maklumat penerbangan, akses kad, meteorologi, pengurusan lalulintas udara dan pengendalian bagasi.

KLIA yang terletak di kawasan seluas 100,000 km persegi, kira-kira 50 km ke selatan Kuala Lumpur, mampu menampung 25 juta penumpang setahun pada hari pembukaan dan sehingga 60 juta penumpang menjelang tahun 2020.

Ia akan mempunyai dua landasan utama, masing-masing sepanjang 4,000 meter dengan 60 meter lebar.

Dua tempat letak kereta di lapangan terbang berkenaan mempunyai sejumlah 12,600 ruang dan daripada jumlah ini, 6,300 ruang ialah tempat letak kereta untuk tempoh singkat.

KLIA juga akan mempunyai persekitaran "Lapangan terbang dalam Hutan" dan "Hutan Dalam Lapangan Terbang" dengan seni taman memenuhi kawasan terminal dan satelit.

Dr Mahathir dan para Menteri Kabinet kemudian meninau kemajuan kerja-kerja di lapangan terbang itu yang dijangka memulakan operasi komersil pada suku pertama tahun depan. -- BERNAMA

ES FAZ